

WARTA SAWIT

Jangan lepaskan
peluang
memenangi RM50
Sertai Kuiz Sawit
SEKARANG!!!

Boleh didapati secara on-line di <http://palmoilis.mpob.gov.my/V4/warta-sawit>

Naskhah PERCUMA terbitan Bahagian Pengembangan Pekebun Kecil dan Pensijilan

Bil. 87 (2)/Mei-Ogos 2024

KEPENTINGAN PENJAGAAN KAWASAN YANG MEMPUNYAI NILAI PEMULIHARAAN TINGGI (HCV) KEPADA PEKEBUN KECIL SAWIT



ISSN 1394-4975



9 771394 497004



MPOB

Penerbit MPOB

Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Kementerian Perladangan dan Komoditi
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.
Tel: 03-8769 4400 Faks: 03-8925 9446 www.mpob.gov.my



Sidang Penerbit

PENASIHAT

Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir

PENGERUSI

Dr. Ramle Moslim

TIMBALAN PENERUSI/ KETUA PENYUNTING

Dr. Zaki Aman

PENYUNTING

Dr. Meilina Ong Abdullah

Mohd Saufi Awang

Iptisam Abdul Wahab

Johari Minal

Raja Zulkifli Raja Omar

Dr. Anita Taib

Dr. Norkaspi Khasim

Mohd Shahrin Rahami

SETIAUSAHA

Shafirul Ab. Wahab

EDITORIAL

Humaira Mat Taib

Zaidiana Mohd Zaid

Nurul Safinaz Nor Fauzi

Anizah Othman

Rizal Abd Rahim

Akram Mohamad Ismail

KANDUNGAN

- Dari Meja Ketua Penyunting **2**
- Kepentingan Penjagaan Kawasan yang Mempunyai Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) kepada Pekebun Kecil **4**
- Sudut Teknologi **7**
- Kuiz Sawit **11**
- Ulasan Isu Semasa EUDR: Cabaran Baharu atau Peluang Emas untuk Pekebun Kecil Sawit di Malaysia? **12**
- Sembang Sawit **13**
- Tahukah Anda? **14**
- Berita Bergambar **18**
- Diari & Program **20**
- Prestasi Sawit **24**
- Peladang Jaya **26**
- Direktori MPOB **28**

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.



DARI MEJA

KETUA PENYUNTING



Dr. Zaki Aman

Pengarah Bahagian Pengembangan

Pekebun Kecil dan Pensijilan

zaki@mpob.gov.my

Industri sawit mengharungi era baharu yang amat mencabar bagi menyediakan produk yang berkualiti dan lestari. Justeru itu, pelbagai peraturan baharu diwujudkan oleh kerajaan untuk memastikan produk sawit berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Berdasarkan Piawaian Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) 2022, Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) adalah ditakrifkan sebagai nilai biologi, ekologi, sosial atau budaya yang dianggap sangat penting atau kritikal di peringkat kebangsaan,

serantau atau global. Kawasan yang mempunyai satu atau lebih daripada satu HCV merupakan kawasan yang mesti dipelihara dan diuruskan sebaiknya. Piawaian ini juga memperkenalkan konsep HCV dalam keperluannya bagi menambah baik aspek penjagaan alam sekitar selaras dengan permintaan pasaran minyak sawit global, di samping mempertingkatkan amalan pengurusan persekitaran yang lebih mampan di kalangan pengeluar minyak sawit. Terdapat enam kategori HCV yang digariskan dalam piawaian MSPO dan diterangkan secara terperinci dalam edisi kali ini.

Industri sawit di Malaysia mampu menghasilkan lebih kurang 80 juta tan biojisim kering setahun yang boleh dieksploitasi untuk sektor tenaga-diperbaharui, biobaja (termasuk biochar), biokomposit, biokimia dan sebagainya. 'Sudut Teknologi' kali ini akan

memperkenalkan dan menerangkan secara terperinci teknologi penghasilan biochar yang diperbuat melalui pelbagai kaedah, masing-masing dengan pendekatan tersendiri untuk mengubah bahan organik dalam biojisim sawit kepada karbon yang stabil. Biojisim sawit yang telah mengalami proses penukaran kepada biochar mempunyai kuantiti karbon yang banyak bagi membantu dalam pengurusan kesuburan tanah pertanian iaitu menjadi perawat tanah yang berkesan. Biochar daripada biojisim sawit selain berfungsi sebagai perawat tanah bagi pertanian, juga berupaya untuk menyimpan karbon di dalam tanah untuk jangka masa yang panjang.

Sudut 'Tahukah Anda' kali ini menerangkan tentang Peraturan Penyahhutan Kesatuan Eropah (EUDR) yang merupakan satu peraturan yang telah diperkenalkan oleh Kesatuan Eropah (EU). Peraturan ini mengenakan larangan dalam memperdagangkan komoditi yang dikaitkan dengan penebangan atau penyahhutan di pasaran EU. Di bawah peraturan ini, pengendali atau operator pengeluaran produk komoditi di bawah skop EUDR yang membawa masuk produk komoditi ini ke pasaran EU perlu membuktikan bahawa produk tersebut bebas atau tidak menyumbang kepada aktiviti penyahhutan selepas 31 Disember 2020. Pekebun kecil sawit persendirian (PKP) akan turut terlibat di bawah peraturan ini, khususnya berkaitan dengan pematuhan terhadap penyediaan geolokasi yang perlu diberi perhatian. Kebolehejakan ke lot kebun melalui pengesanan dan geolokasi adalah diperlukan di bawah peraturan ini untuk menunjukkan bahawa tiada penyahhutan berlaku di lokasi yang berkaitan. Bagi kawasan melebihi 4 ha yang digunakan untuk pengeluaran

komoditi selain ternakan lembu, pemilik perlu menyediakan geolokasi menggunakan poligon agar perimeter kawasan tersebut dapat disediakan. Bagi kawasan tanaman kurang daripada 4 ha, satu titik geolokasi sudah memadai.

Pada edisi kali ini juga, kami mengetengahkan 'Peladang Jaya' yang menerima bantuan MPOB iaitu Skim Insentif Integrasi Ternakan (ITe) dan sedikit maklumat berkaitan Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITa) dari Zon Selatan 2, En. Md Nasir M. Kassim merupakan peserta Skim Insentif ITe yang berjaya di Batu Pahat, Johor. Beliau dibantu oleh keluarganya untuk menjalankan integrasi ternakan ayam pedaging dan juga mendapat khidmat nasihat daripada pegawai TUNAS. Sejumlah RM15 000 telah disalurkan kepada En. Md Nasir meliputi kos pembinaan reban ayam, pembelian anak ayam, makanan, ubat-ubatan dan peralatan. Sehingga awal tahun 2024, penternakan ayam pedaging beliau telah memasuki empat pusingan dan memberi pendapatan tambahan kepadanya. Selain Skim Insentif ITe, pekebun kecil di kawasan Zon Selatan 2 juga mendapat manfaat daripada bantuan Skim Insentif ITa di sekitar Ayer Hitam, Muar yang sesuai dengan aktiviti penanaman nanas, tanaman pisang, tembikai, betik, jagung, serai dan cendawan.

Aspek kemampanan dalam pembangunan dan pengurusan sawit adalah penting bagi memastikan daya saing industri sawit untuk jangka masa panjang. Justeru itu, kerjasama semua pihak termasuk pekebun kecil sawit persendirian adalah diperlukan dalam mengharungi semua cabaran yang dihadapi oleh industri sawit negara.

Bagi mendapatkan senarai penuh tapak semaian yang mempunyai Kod Amalan Baik Nurseri Sawit (CoPN), sila layari:

<http://copn.mpob.gov.my/index.php/elementor-2875/>



KEPENTINGAN PENJAGAAN KAWASAN YANG MEMPUNYAI NILAI PEMULIHARAAN TINGGI (HCV) KEPADA PEKEBUN KECIL



Penulis:
Mohd Rasyid Mohimin
dan Mohd Shahrin Rahami
mohd.rasyid@mpob.gov.my

Pengenalan

Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) adalah ditakrifkan sebagai nilai biologi, ekologi, sosial atau budaya yang dianggap sangat penting atau kritikal di peringkat kebangsaan, serantau atau global. Kawasan yang mempunyai satu atau lebih daripada satu HCV merupakan kawasan

yang mesti dipelihara dan diuruskan sebaiknya (Proforest. Net, 2018).

Konsep HCV telah mula diperkenalkan oleh Majlis Pengawasan Hutan (FSC) pada tahun 1999 sebagai salah satu daripada keperluan Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan (MC&I SFM). Konsep tersebut telah dibangunkan bagi mengenal pasti kawasan-kawasan hutan yang mempunyai kepelbagaian biologi meliputi komposisi tumbuhan-tumbuhan flora (HCV Network, 2017).

Pada tahun 2022, Piawaian MSPO edisi ke-2 telah memperkenalkan konsep HCV dalam keperluannya bagi menambah baik aspek penjagaan alam sekitar selaras dengan permintaan pasaran minyak sawit global di samping mempertingkatkan amalan pengurusan persekitaran yang lebih mampan di kalangan pengeluar minyak sawit.

Pentadbiran dan perlindungan kawasan HCV biasanya dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan, agensi pemuliharaan alam sekitar atau organisasi konservasi yang bertujuan untuk memastikan bahawa nilai-nilai ekologi dan biologi kawasan tersebut dapat dijaga dengan berkesan.

Kategori HCV

Terdapat enam kategori bagi menilai HCV (Earthworm, 2023):

HCV 1: Kepelbagaian Spesies

Kawasan tinggi dan populasi/bilangan spesies endemik dan spesies nadir, diancam atau terancam (RTE).

Contoh:

- Kawasan terlindung: Taman Negara
- Spesies RTE: Harimau belang, gajah Asia, tapir, rusa Samba
- Spesies endemik dan migrasi



HCV 2: Ekosistem Peringkat Landskap

Landskap yang besar dan mozek ekosistem yang penting untuk menyokong populasi yang mampan serta menyediakan koridor hidupan liar dan kawasan perlindungan kepada kompleks hutan berkepentingan.

Contoh:

- Rangkaian ekologi *Central Forest Spine* (CFS)
- *Heart of Borneo* di Sabah dan Sarawak



HCV 3: Ekosistem dan Habitat

Ekosistem, habitat atau kawasan perlindungan yang nadir, diancam atau terancam (RTE).

Contoh:

- Hutan batu kapur
- Kawasan paya gambut
- Hutan bakau

**HCV 4: Perkhidmatan Ekosistem**

Kawasan yang berfungsi sebagai perkhidmatan asas ekosistem dalam situasi kritikal.

Contoh:

- Kawasan tadahan air
- Pengawasan hakisan dan cerun yang terdedah

**HCV 5: Keperluan Komuniti**

Tapak dan sumber untuk memenuhi keperluan asas komuniti tempatan atau orang asli (untuk mata pencarian, kesihatan, pemakanan, air dan sebagainya).

Contoh:

- Kawasan sungai sumber makanan dan minuman
- Pengumpulan produk hutan bukan balak sebagai mata pencarian

**HCV 6: Nilai Budaya**

Kawasan yang mempunyai kepentingan budaya, arkeologi, agama/suci terhadap masyarakat tempatan atau orang asli.

Contoh:

- Kawasan adat, kesucian atau agama dan kubur di mana tradisi berlaku



“Projek ini terbukti telah berjaya mengurangkan konflik manusia dengan hidupan liar dan seterusnya dapat memastikan kelestarian tanaman sawit di kalangan pekebun kecil terlibat.”

Penggunaan HCV dalam Skim Pensijilan

HCV merupakan komponen utama bagi kebanyakan pensijilan kemampunan minyak. Selaras dengan itu, piawaian MSPO 2022 ditambah baik dengan mengguna pakai konsep HCV dalam keperluannya.

Pematuhan terhadap keperluan HCV ini di kalangan pekebun kecil persendirian akan bermula pada 1 Januari 2025. HCV amat penting bagi pekebun kecil persendirian kerana:

- Menyumbang kepada usaha pemuliharaan dan memastikan minyak sawit bagi PK dihasilkan secara mampan agar dapat dieksport ke pasaran global.
- Melindungi kepelbagaian biologi dan mengurangkan risiko bencana alam (banjir, tanah runtuh dan ribut taufan).
- Membangunkan kawasan perlindungan, kawasan santuari dan koridor hidupan liar bagi membantu mengurangkan konflik manusia-gajah dan membolehkan kehidupan bersama antara hidupan liar dan kebun sawit.
- Berfungsi sebagai pusat pendidikan bagi menimbulkan kesedaran terhadap PK mengenai pemuliharaan alam sekitar, ekosistem dan spesies terancam.

Pengurusan HCV di Kawasan Pekebun Kecil Persendirian Bersijil MSPO

Pada tahun 2023, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah memeterai satu Perjanjian Persefahaman (MoA) dengan Earthworm Foundation dan Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation (MPOGCF) untuk aktiviti pemuliharaan gajah di Sungai Ara, Kota Tinggi, Johor. Kawasan ini telah dikenal pasti sebagai kawasan HCV 1. Pekebun kecil persendirian sawit di kawasan ini sering berhadapan konflik dengan gajah di mana hidupan liar ini telah banyak memusnahkan

tanaman sawit milik mereka. Melalui perjanjian ini, MPOGCF telah menyalurkan sejumlah peruntukan untuk membiayai aktiviti pemasangan pagar gajah, siren pemberitahuan awal dan program peningkatan kesedaran berkaitan kewujudan bersama di antara pekebun kecil sawit dengan gajah. Projek ini terbukti telah berjaya mengurangkan konflik manusia dengan hidupan liar dan seterusnya dapat memastikan kelestarian tanaman sawit di kalangan pekebun kecil terlibat.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, pengurusan HCV memberikan suatu rangka kerja holistik untuk melestarikan kepelbagaian biologi, mempromosikan kelestarian dan menyelaraskan aktiviti manusia dengan keperluan alam sekitar. Dengan melibatkan semua pihak yang berkepentingan dan mengintegrasikan prinsip-prinsip pembangunan yang lestari, konsep HCV menjadi alat yang penting untuk mengendalikan cabaran kelestarian alam sekitar.

Rujukan

Earthworm (2023). Bengkel Kesedaran Nilai Pemuliharaan Tinggi (*High Conservation Value*). Bangi Resort Hotel, Selangor. 15 Mac 2023.

HCV Network (2017). *Common Guidance for the Identification of HCV*. <https://www.hcvnetwork.org/library/common-guidance-for-the-identification-of-hcv-english-indonesian-french-portuguese>, diakses pada 12 Disember 2023.

Proforest.Net (2018). *Malaysian National Interpretation of the Common Guidance on the Identification of High Conservation Values (HCVs)*. <https://www.proforest.net/resources/publications/malaysian-national-interpretation-for-the-identification-of-high-conservation-values-13448/>, diakses pada 13 Disember 2023.

SUDUT TEKNOLOGI

PENGHASILAN BIOCHAR DARIPADA SISA SAWIT



Penulis:
Dr. Loh Soh Kheang dan
Haryati Zainal
lohsk@mpob.gov.my

Pengenalan

Industri sawit merupakan salah satu tonggak utama ekonomi negara yang juga pemangkin kepada pembangunan luar bandar. Di samping pengeluaran minyak sawit mentah sebanyak 18.55 juta tan pada tahun 2023, industri sawit juga menjana sejumlah besar sisa sawit dalam bentuk biojisim sawit seperti tandan kosong, gentian sawit, tempurung sawit, batang sawit, pelepah sawit dan air kumbahan. Industri sawit di Malaysia mampu menghasilkan lebih kurang 80 juta tan biojisim kering setahun yang boleh dieksploitasi untuk sektor tenaga-diperbaharui, biobaja (termasuk biochar), biokomposit, biokimia dan sebagainya. Biojisim sawit adalah bahan buangan terbiar yang boleh diperbaharui untuk pelaksanaan ekonomi kitaran bagi meningkatkan nilai rantaian eksport minyak sawit. Penggunaan biojisim sawit secara strategik dapat membantu kelestarian industri sawit dari pelbagai sudut khususnya mengurangkan pencemaran alam sekitar (*Rajah 1*).

Penukaran biojisim sawit kepada biochar telah mula diberi perhatian lebih 10 tahun yang lepas dan kini minat untuk menghasilkan biochar kembali melonjak disebabkan keupayaan biochar dalam penyerapan karbon apabila digunakan sebagai perawat tanah yang tidak subur atau baja suplemen. Selain berpotensi untuk perdagangan karbon kredit bagi menambahkan keuntungan dan pendapatan, ianya merupakan satu kaedah berkesan bagi pengurangan pelepasan gas rumah hijau yang menaikkan suhu dan memanaskan bumi. Terdapat dua aspek penting dalam aktiviti-aktiviti berkaitan dengan penukaran biojisim


sawit kepada biochar. Pertama, penghasilan biochar ini akan menjurus ke arah pencapaian sasaran pelepasan karbon rendah atau karbon sifar bersih menjelang 2050 seperti yang diratifikasi oleh Malaysia pada 2016 menurut Perjanjian Iklim Paris, sebuah perjanjian di bawah Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) yang mengikatkan semua negara demi menangani pemanasan global. Kedua, ianya sejajar dengan hasrat negara untuk mempergiatkan usaha terhadap ekonomi kitaran dengan penghasilan produk-produk bernilai tinggi melalui penggunaan biojisim daripada sektor agrikomoditi seperti yang telah dirangka dalam Pelan Tindakan Biojisim Negara (2023-2030) di bawah Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN 2023-2030).

Proses Penghasilan Biochar


Biochar diperbuat melalui pelbagai kaedah, masing-masing dengan pendekatan tersendiri untuk mengubah bahan organik dalam biojisim sawit kepada karbon yang stabil. Biojisim sawit yang telah mengalami proses penukaran kepada biochar mempunyai kuantiti karbon yang banyak bagi membantu dalam pengurusan kesuburan tanah pertanian iaitu menjadi perawat tanah yang berkesan. Proses penghasilan biochar dapat menyumbang kepada usaha kecekapan sumber, pengurangan sisa, pembaikan tanah dan pembangunan mampan (*Rajah 1*). Sebagai perawat tanah, ianya menyumbang kepada amalan pengurusan tanah yang mampan dan usaha penyerapan karbon (Uttran *et al.*, 2023).

a) Pirolisis

Pirolisis adalah kaedah yang paling biasa untuk menghasilkan biochar di mana biojisim sawit dipanaskan dalam persekitaran terkawal tanpa oksigen, biasanya pada suhu 300°C-700°C (Do *et al.*, 2023). Kekurangan oksigen menghalang pembakaran sepenuhnya dan sebaliknya menggalakkan penguraian biojisim kepada karbon dalam bentuk biochar (pepejal), bersama-sama dengan produk sampingan berharga yang lain iaitu bio-minyak (cecair) dan *syngas*. Pirolisis boleh dilaksanakan dengan menggunakan peralatan seperti tanur, retort atau reaktor pirolisis khusus (*Rajah 2*). Dalam keadaan pirolisis yang lebih ringan pada sekitar suhu 230°C-300°C



Rajah 1. Biochar dan sumbangannya dalam kesuburan tanah dan persekitaran.



Rajah 2. Proses penghasilan biochar daripada biojisim sawit melalui pirolisis (a) buah tandan segar, (b) biojisim sawit, (c) rektor, dan (d) produk biochar.

(Sukiran *et al.*, 2023), lembapan dan sebatian meruap daripada biojisim sawit dikeluarkan dan biochar yang diperoleh lebih cenderung sebagai produk torefaksi iaitu sejenis arang batu yang lebih padat tenaga atau diproses selanjutnya menjadi biochar.

b) Pengegasan

Selain pirolisis, pengegasan adalah satu lagi kaedah termokimia yang digunakan untuk menukar biojisim sawit kepada biochar, bersama-sama dengan campuran *syngas* (hidrogen dan karbon monoksida). Proses in melibatkan suhu yang lebih tinggi

(600°C-900°C) dalam persekitaran terkawal dengan bekalan oksigen atau wap yang terhad (Aprianti *et al.*, 2023). Pengoksidaan separa ini menghasilkan aliran gas mudah terbakar (*syngas*) yang boleh digunakan untuk penjana haba dan kuasa, manakala sisa arang pepejal yang ditinggalkan adalah biochar yang mempunyai peranan seperti biochar daripada pirolisis.

c) Proses Termokimia Dandang Biojisim

Proses termokimia dandang iaitu pembakaran langsung bermula pada suhu 800°C dan ke atas adalah berbeza daripada

“Selain berfungsi sebagai perawat tanah bagi pertanian, biochar daripada biojisim sawit juga berupaya untuk menyimpan karbon di dalam tanah untuk jangka masa yang panjang.”

proses pengegasan disebabkan pengoksidaan sepenuhnya biojisim sawit akibat bekalan oksigen yang berlebihan dan hasil utamanya adalah haba dan sisa char.

d) Pengkarbonan Hidroterma (HTC)

HTC ialah proses pemanasan biojisim sawit dengan kehadiran air pada suhu sederhana (180°C-300°C) dan tekanan sederhana/tinggi (Prasongthum *et al.*, 2023). Hasil-hasil proses ini adalah produk hidrochar yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan biochar. Biochar yang dihasilkan daripada proses HTC ini biasanya menunjukkan kandungan karbon yang lebih rendah berbanding biochar daripada proses-proses yang lain (Mojiri dan Zhou, 2023).

Kesemua proses di atas menawarkan sifat biochar yang mempunyai kelebihan yang berbeza-beza bergantung kepada jenis bahan suapan yang dikehendaki dan aplikasi yang dimaksudkan. Keadaan proses seperti suhu, masa penukaran dan reka bentuk reaktor akan mempengaruhi sifat produk biochar yang terhasil. Hanya teknologi 1, 2 dan 3 yang menghasilkan biochar yang sangat stabil layak dipertimbangkan pemberian karbon kredit manakala proses torefaksi dan HTC adalah tidak layak memandangkan biochar yang dihasilkan tidak mampu berada

dalam tanah buat jangka masa yang panjang (VM0044, 2023).

Fungsi Biochar dalam Mitigasi Perubahan Iklim

Biochar dengan kandungan karbon yang tinggi adalah 10-100 kali lebih stabil berbanding dengan biojisim mentahnya dan apabila bergaul dengan tanah, kebanyakan kandungan karbon organiknya akan berada berterusan di dalam tanah selama 100-1000 tahun. Berdasarkan kepada pengiraan oleh Budai *et al.* (2013), sebagai perawat tanah, keupayaan biochar daripada biojisim sawit untuk menyerap dan menyimpan karbon di dalam tanah adalah tinggi (*Jadual 1*). Daripada setiap tan biojisim yang ditukar kepada biochar, sebanyak 270-630 kg karbon dioksida (CO₂) boleh diterap bergantung kepada jenis bahan suapan. Dari segi potensi teknikal biochar untuk menjana karbon kredit, setakat ini dianggarkan 1.5-2.5 tan karbon kredit (USD90.00-USD170.00/tan karbon kredit) boleh diperolehi daripada 1 tan biochar melalui proses pirolisis bagi aplikasi tanah (IPCC, 2019).

Kesimpulan

Selain berfungsi sebagai perawat tanah bagi pertanian, biochar daripada biojisim sawit juga berupaya untuk menyimpan karbon di

JADUAL 1. POTENSI BIOCHAR DARIPADA BIOJISIM SAWIT DALAM PENYERAPAN DAN PENYIMPANAN KARBON

Jenis bahan suapan (biojisim)	Keupayaan penyimpanan karbon, tan CO ₂ /tan biojisim (dalam lingkungan 100 tahun)	Jenis teknologi	Rujukan
Pelepah sawit	0.27	Pirolisis, 200°C-800°C, 100 min	Karananidi <i>et al.</i> (2020)
Tempurung sawit	0.398	Pengegasan, >700°C	Dominguez <i>et al.</i> (2020)
Tempurung sawit	0.49 - 0.63	Pirolisis, 400°C- 600°C, 30-90 min	Kong <i>et al.</i> (2019)

dalam tanah untuk jangka masa yang panjang. Kandungan karbon yang stabil yang terbenam di bawah tanah boleh dinilai dan diperakui sebagai sebagai satu kaedah mitigasi perubahan iklim yang menguntungkan kerana ianya layak diiktirafkan, dan akan dimanfaatkan dengan karbon kredit.

Biochar memberi banyak faedah kepada tanaman pertanian dan juga aktiviti-aktiviti yang lain (bukan aplikasi tanah seperti konkrit dan bahan binaan yang bersifat penyimpanan karbon jangka panjang). Aplikasi sedemikian perlu diperluaskan penggunaannya secara besar-besaran memandangkan bahan suapan untuk penukaran biojisim sawit kepada biochar melalui pirolisis dan teknologi-teknologi setarafnya adalah bahan buangan terpicil yang boleh diperbaharui dan mudah terurai menyebabkan penghasilan gas rumah hijau. Penghasilan biochar juga adalah sebahagian konsep ekonomi kitaran yang diadaptasi oleh industri sawit ke arah kelestarian.

Rujukan

- Aprianti, N; Kismanto, A; Supriatna, N K; Yarsono, S; Nainggolan, L M T; Purawiardi, R I; Fariza, O; Ermada, F J; Zuldian, P; Raksodewanto, A A dan Alamsyah, R (2023). *Prospect and challenges of producing carbon black from oil palm biomass: A review. Bioresour. Technol. Rep.*, 23: 101587.
- Budai, A; Zimmerman, A R; Cowie, A L; Webber, J B W; Singh, B P; Glaser, B; Masiello, C A; Andersson, D; Shields, F; Lehmann, J; Camps Arbestain, M; Williams, M; Sohi, S dan Joseph, S (2013). *Biochar carbon stability test method: An assessment of methods to determine biochar carbon stability. International Biochar Initiative*. https://www.biochar-international.org/wp-content/uploads/2018/04/IBI_Report_Biochar_Stability_Test_Method_Final.pdf, diakses pada 3 Januari 2024.
- Do, Q C; Tran, T N; Tran, T H; La, D D; Ngo, H H; Thanh, B X; Chang, S W dan Nguyen, D D (2023). *Sustainable production and application of biochar for energy storage and conversion. In Current Developments in Biotechnology and Bioengineering, Elsevier*. m.s. 333-364.
- Dominguez, E L; Uttran, A; Loh, S K; Manero, M H; Upperton, R; Tanimu, M I dan Bachmann, R T (2020). *Characterisation of industrially produced oil palm kernel shell biochar and its potential as slowrelease nitrogen-phosphate fertilizer and carbon sink. Materials Today: Proceedings*, 31(1): 221-227.
- IPCC (2019). *Appendix 4: Method for Estimating the Change in Mineral Soil Organic Carbon Stocks from Biochar Amendments: Basis for Future Methodological Development. Intergovernmental Panel on Climate Change*. https://www.ipcc-nggip.iges.or.jp/public/2019rf/pdf/4_Volume4/19R_V4_Ch02_Ap4_Biochar.pdf, diakses pada 3 Januari 2024.
- Karananidi, P; Som, A M; Loh, S K dan Bachmann, R T (2020). *Flame curtain pyrolysis of oil palm fronds for potential acidic soil amelioration and climate change mitigation. J. Environ. Chem. Eng.*, 8: 103982. DOI: 10.1016/j.jece.2020.103982.
- Kong, S H; Loh, S K; Bachmann, R T; Zainal, H dan Cheong, K Y (2019). *Palm kernel shell biochar production, characteristics and carbon sequestration potential. J. Oil Palm Res.*, 31: 508-520.
- Mojiri, A dan Zhou, J (2023). *Production of biochar from biowaste and its application in wastewater treatment. In Current Developments in Biotechnology and Bioengineering, Elsevier*. m.s. 149-193.
- Prasongthum, N; Suemanotham, A; Sisuthog, W; Thanmongkhon, Y; Chaiya, C dan Attanatho, L (2023). *Hydrothermal carbonization of oil palm trunk: Hydrochar properties and combustion behaviors. Energy Reports*, 9: 380-386.
- Sukiran, M A; Alaba, P A; Nasrin, A B; Abd Aziz, A dan Loh, S K (2023). *Thermal analysis and non-isothermal thermogravimetric kinetics analysis using Coats-Redfern method of a torrefied empty fruit bunches. J. Oil Palm Res.*, 35(4): 639-652.
- Uttran, A; Loh, S K; Ahmad, M dan Bachman, R T (2023). *Soil Nutrient and Management in Oil Palm Plantations and Agronomic Potential of Biochar*. m.s. 167-188.
- VM0044 (2023). *VM0044 - Methodology for Biochar Utilization in Soil and Non-Soil Applications Version 1.1 (2023)*. <https://forliance.com/news/2022/08/22/methodology-for-biochar-utilization-in-soil-and-non-soil-applications-is-verra-approved>, diakses pada 3 Januari 2024.

????????? **Kuiz Sawit** ???????????

Tiga pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM50** sekiranya berjaya menjawab lima soalan dengan tepat. Hanya tiga penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit*, kecuali kakitangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan ahli keluarga;
- Tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau taip;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **2 Oktober 2024**; dan
- Keputusan juri adalah muktamad

Hantar jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
Lembaga Minyak Sawit Malaysia,
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.
 u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
 Bahagian Pengembangan Pekebun Kecil
 dan Pensijilan

melalui Aplikasi *WhatsApp* 017-821 9693
 ATAU emelkan kepada wartasawit@mpob.gov.my

**WHATSAPP
 SEKARANG !!!
 017-821 9693
 PENGANTARAN
 BORANG PENILAIAN
 MELALUI
 APLIKASI
 WHATSAPP**

**SUMBER MAKLUMAT
 UNTUK MENJAWAB
 SOALAN KUIZ
 INI ADALAH
 BERDASARKAN
 ARTIKEL-ARTIKEL
 DALAM WARTA
 SAWIT BIL. 87(2)/
 MEI-OGOS 2024**

**JANGAN
 LEPASKAN
 PELUANG
 MEMENANGI
 RM50
 MELALUI APLIKASI
 WHATSAPP**

SOALAN KUIZ SAWIT BIL. 87(2)/ MEI - OGOS 2024

1. Apakah keluasan tanaman yang memerlukan penyediaan geolokasi menggunakan poligon di bawah EUDR?
 - a) Kurang 4 ha
 - b) Kurang 40.4 ha
 - c) Lebih 4 ha
 - d) Lebih 1 ha

2. Apakah jenis-jenis bahan biojisim sawit yang boleh digunakan dalam penghasilan biochar?
 - a) Daun sawit
 - b) Buah sawit
 - c) Tandan kosong
 - d) Tempurung kelapa
3. Berapakah kategori Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) yang digariskan dalam piawaian MSPO?
 - a) Tujuh kategori
 - b) Enam kategori
 - c) Lima kategori
 - d) Sembilan kategori
4. "Kawasan adat kesucian agama dan kubur di mana tradisi berlaku" dikategorikan dalam HCV berapa?
 - a) HVC 4
 - b) HVC 6
 - c) HVC 5
 - d) HVC 3
5. Hidupan liar yang kerap memusnahkan tanaman sawit pekebun kecil adalah?
 - a) Harimau
 - b) Gajah
 - c) Tapir
 - d) Beruang

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No. Telefon : _____

Alamat : _____

JAWAPAN SOALAN KUIZ WARTA SAWIT BIL. 86(1)/ JAN-APRIL 2024

1. C 2. A 3. B 4. A 5. A

ULASAN ISU SEMASA EUDR: CABARAN BAHARU ATAU PELUANG EMAS UNTUK PEKEBUN KECIL SAWIT DI MALAYSIA?



Penulis:
Nik Aznizan Nik Ibrahim
aznizan@mpob.gov.my

Peraturan Penyahhutan Kesatuan Eropah (*European Union Deforestation Regulation - EUDR*) yang akan berkuat kuasa pada 30 Disember 2024 membawa implikasi besar terhadap industri sawit Malaysia terutamanya bagi pekebun kecil. Artikel ini bertujuan untuk memberi pemahaman mengenai EUDR dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pekebun kecil sawit untuk menghadapi perubahan pasaran global ini.

EUDR merupakan inisiatif Kesatuan Eropah (EU) untuk mengurangkan penyahhutan global yang dikaitkan dengan import komoditi tertentu termasuk minyak sawit. Peraturan ini menuntut bukti bahawa produk yang dieskport ke EU tidak menyumbang kepada penyahhutan atau degradasi hutan selepas 31 Disember 2020. Memandangkan EU merupakan antara pasaran eksport utama bagi minyak sawit Malaysia, EUDR berpotensi memberi kesan terhadap permintaan dan akses pasaran. Walau bagaimanapun, ia juga mewujudkan peluang untuk meningkatkan daya saing melalui amalan pertanian baik.

Bagi pekebun kecil, pematuhan kepada standard kemampuan menjadi semakin penting. Mendapatkan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) adalah langkah kritikal dalam memenuhi keperluan EUDR. Selain itu, pekebun kecil perlu menyimpan rekod terperinci mengenai amalan pertanian dan penggunaan tanah. Peningkatan amalan agronomik dengan mengamalkan teknik pertanian yang mesra alam dan meningkatkan produktiviti juga perlu diberi keutamaan.

Dalam usaha menyesuaikan diri dengan keperluan EUDR, pekebun kecil perlu mendapatkan pensijilan MSPO sebagai bukti amalan lestari. Menghadiri latihan dan bengkel yang dianjurkan oleh Lembaga Minyak Sawit

Malaysia (MPOB) dan agensi berkaitan adalah penting untuk meningkatkan kemahiran. Penggunaan teknologi, seperti aplikasi mudah alih untuk pengurusan ladang dan penjejakan hasil, boleh membantu dalam pengurusan yang lebih efisien. Pekebun kecil juga disarankan untuk bekerjasama dengan pekebun lain melalui Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) untuk mencapai skala ekonomi yang lebih baik.

MPOB dan agensi kerajaan lain menyediakan pelbagai sokongan untuk membantu pekebun kecil menghadapi cabaran EUDR. Ini termasuk program latihan yang berfokus pada EUDR dan amalan pertanian baik, bantuan teknikal untuk peningkatan produktiviti dan kualiti serta sokongan untuk mendapat pensijilan MSPO. Khidmat nasihat mengenai pematuhan kepada keperluan EUDR juga disediakan untuk memastikan pekebun kecil berada di landasan yang betul.

Sawit Intelligent Management System (SIMS) yang dibangunkan oleh MPOB bukan sahaja memudahkan pengurusan transaksi data di sepanjang rantai bekalan sawit, tetapi juga menjadi alat penting dalam memenuhi keperluan EUDR. SIMS mampu untuk merekod transaksi terperinci buah tandan segar (BTS) dan menjejak pergerakan produk dari ladang sehingga ke kilang. Ia juga menyediakan rekod komprehensif serta membantu memenuhi syarat utama EUDR iaitu pengesanan tempat produk dikeluarkan. Sistem ini membolehkan pekebun kecil dan pihak industri membuktikan bahawa produk sawit mereka tidak berasal dari kawasan yang mengalami penyahhutan, sekali gus menyokong pematuhan kepada standard kemampuan yang ditetapkan oleh EUDR. Dengan mengoptimalkan penggunaan SIMS, industri sawit Malaysia terutamanya pekebun kecil boleh lebih bersedia menghadapi cabaran pematuhan EUDR dan mengekalkan akses ke pasaran EU yang penting.

Walaupun EUDR membawa cabaran, ia juga membuka pelbagai peluang baharu. Pekebun kecil yang berjaya mematuhi keperluan EUDR berpotensi mendapat akses ke pasaran yang lebih luas untuk minyak sawit mampan. Peningkatan produktiviti melalui amalan pertanian yang lebih baik dan pengurangan kos operasi melalui pengurusan sumber yang lebih berkesan juga merupakan hasil positif yang boleh dicapai. Selain itu, penyertaan dalam rantai nilai global yang lebih lestari membuka peluang untuk pertumbuhan jangka panjang.

EUDR mewakili titik perubahan penting bagi industri sawit Malaysia. Bagi pekebun

kecil, penyesuaian terhadap keperluan baharu ini adalah kritikal untuk memastikan daya saing jangka panjang. Melalui pelaksanaan amalan kemampanan, peningkatan kemahiran

dan kerjasama dengan pihak berkepentingan, pekebun kecil bukan sahaja boleh menangani cabaran EUDR, malah memanfaatkan peluang yang terhasil daripadanya.

Sudut Renungan



Islam adalah agama ehsan yang tidak dengan sewenang-wenangnya membenarkan penganutnya membunuh makhluk lain dengan sesuka hati. Membunuh haiwan dengan sengaja tanpa sebarang sebab adalah tidak dibenarkan dalam Islam melainkan haiwan *fasiq* iaitu haiwan perosak yang boleh membawa mudarat dan mengancam nyawa manusia. Lima jenis haiwan yang disebut sebagaimana yang diriwayatkan tidak bermaksud ia hanya khusus kepada lima jenis haiwan itu sahaja. Ini juga boleh dikiasakan kepada haiwan lain yang boleh memberi bahaya kepada manusia seperti tebuhan, lipan, labah-labah beracun, ular, buaya dan seumpamanya.

Hadith diriwayatkan oleh Al-Bukhari (3314) dan Muslim (1198).

SEMBANG SAWIT





PERATURAN PENYAHHUTANAN KESATUAN EROPAH (EUDR)



Penulis:
Parthiban Kannan
parthiban@mpob.gov.my

Pengenalan

Minyak sawit merupakan komoditi utama di Malaysia dan merupakan salah satu sumber utama minyak dan lemak dunia. Kepelbagaian penggunaan minyak sawit dalam sektor makanan dan juga bukan makanan telah meningkatkan permintaan di pasaran dunia. Selain itu, sawit juga merupakan tanaman yang paling produktif berbanding dengan tanaman komoditi minyak yang lain. Malaysia merupakan negara kedua terbesar dalam pengeluaran dan eksport minyak sawit dunia selepas Indonesia. Di sebalik pelbagai kepentingan minyak sawit, industri sawit sering menghadapi pelbagai cabaran daripada pihak luar.

Peraturan Penyahhutan Kesatuan Eropah (EUDR)

Salah satu cabaran terkini yang dihadapi dalam industri sawit adalah berkaitan dengan Peraturan Penyahhutan Kesatuan Eropah (EUDR). EUDR merupakan satu peraturan yang telah diperkenalkan oleh Kesatuan Eropah (EU) bermula pada 29 Jun 2023. Peraturan ini mengenakan larangan dalam memperdagangkan komoditi yang dikaitkan dengan penebangan atau penyahhutan di pasaran Kesatuan Eropah (EU). Di bawah peraturan ini, pengendali atau operator pengeluaran produk komoditi di bawah skop EUDR yang membawa

masuk produk komoditi ini ke pasaran EU perlu membuktikan bahawa produk tersebut bebas atau tidak menyumbang kepada aktiviti penyahhutan selepas 31 Disember 2020. Proses penilaian yang wajar perlu dilakukan melibatkan kebolehejakan dan geolokasi bagi mematuhi peraturan ini. Peraturan ini telah mula berkuat kuasa pada 29 Jun 2023 yang lalu. Walau bagaimanapun, tempoh peralihan telah diberikan kepada perusahaan besar sehingga 30 Disember 2024, manakala bagi perusahaan mikro dan kecil sehingga 30 Jun 2025. Peraturan EUDR ini telah menyenaraikan sebanyak tujuh komoditi yang terlibat iaitu ternakan (lembu), koko, kopi, sawit, getah, kacang soya dan kayu berserta produk terbitan yang berkaitan mengikut komoditi.

Pematuhan oleh Pekebun Kecil Sawit Persendirian

Pekebun kecil sawit persendirian (PKP) akan turut terlibat di bawah peraturan ini khususnya berkaitan dengan pematuhan terhadap penyediaan geolokasi yang perlu diberi perhatian (*Rajah 1*). Kebolehejakan ke lot kebun melalui pengesanan dan geolokasi adalah diperlukan di bawah peraturan ini untuk menunjukkan bahawa tiada penyahhutan berlaku di lokasi yang berkaitan. Bagi kawasan melebihi 4 ha yang digunakan untuk pengeluaran komoditi selain ternakan lembu, pemilik perlu menyediakan geolokasi menggunakan poligon agar perimeter kawasan tersebut dapat disediakan. Bagi kawasan tanaman kurang daripada 4 ha, satu titik geolokasi sudah memadai. Selain itu, pekebun kecil perlu turut bersedia untuk memberikan maklumat yang berkaitan kepada pembeli dalam rantai bekalan terutamanya jika produk tersebut didagangkan di EU.

Usaha kerajaan

